



**TEMUBUAL BERSAMA
BEKAS TENTERA BRITISH CHE ONN NEAMAT YANG BERKHIDMAT DI DALAM
CORPS. OF ROYAL ELECTRICAL MECHANICAL ENGINEERING PADA TAHUN
1957 HINGGA TAHUN 1970**


DI SEDIAKAN OLEH:

**NIK NURMIRA BINTI NIK HASSAN
NUR KHAIRIAH BINTI MAHA YUDDEN**

**PROJEK DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, SEGAMAT
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 : DOKUMENTASI SEJARAH LISAN**

**SEMESTER 05
(SEPTEMBER 2013-JANUARI 2014)**

SEKAPUR SIREH



Syukur ke hadrat Ilahi, Pemilik sekalian alam, kerana dengan taufik dan hidayat-NYA, dapat kami menyelesaikan tugas penulisan transkrip ini dengan jaya dan mengikut ketetapan masa yang telah di peruntukkan oleh pensyarah kami. Di sini, kami ingin merakamkan jutaan terima kasih serta setinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah membantu kami samaada secara langsung ataupun tidak semasa proses penyiapan tugas ini dahulu. Sekalung penghargaan di diberikan kepada Encik Che Onn Bin Neamat kerana memberi kerjasama yang berterusan sepanjang proses wawancara diadakan bersama beliau terdahulu. Tanpa kerjasama jitu dan ikhlas dari pihak beliau, tidak mungkin kami mampu menyiapkan dan menghasilkan transkrip yang seakan digambarkan oleh pensyarah kami iaitu, Puan Azura binti Abdul Jamil @ Kamarudzzaman. Kami juga amat bersyukur kerana beliau sudi menceritakan pengalaman berharga beliau kepada pelapis muda seperti kami. Tanpa pengalaman beliau, amat sukar bagi kami serta generasi muda yang lain untuk memahami, menghayati serta mendekati makna di sebalik kesusahan dan kesukaran yang di alami oleh mereka yang terdahulu dalam memperjuangkan kedaulatan negara untuk keamanan generasi masa hadapan. Tidak lupa juga kepada pensyarah kami, Puan Azura binti Abdul Jamil @ Kamarudzzaman kerana tidak jemu memberi tunjuk ajar, nasihat serta pandangan kepada kami bagi menghasilkan transkrip wawancara ini. Bimbingan beliau banyak membantu serta menyumbang buah fikiran kepada kami agar lebih peka serta berpandangan jauh semasa menjalankan tugas. Akhir kalam, saya selaku wakil ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan setugas saya kerana sudi memberi kerjasama terutama sekali ketika kami mengalami saat kesukaran, halangan dan cabaran sepanjang proses tugas ini di jalankan. Kami percaya, kesusahan dan kesukaran ini akan menjadi intipati kekuatan kepada kami di masa hadapan agar sentiasa bersikap versatile, yakin dan berani serta tidak mudah berputus asa. Semoga transkrip wawancara ini mampu menjadi wadah penjana minda kepada generasi muda kini agar tidak pernah lupa dan berpaling dari sejarah penjajahan yang telah dialami oleh negara kita, yakni Tanah Melayu suatu ketika dahulu.

Sekian, Terima Kasih

Isi Kandungan

<i>Bil.</i>	<i>Kandungan</i>	<i>Muka Surat</i>
	Abstrak	ii
1.0	Pengenalan	01 – 16
2.0	Transkrip Wawancara	17 – 65
3.0	Log Wawancara	66 – 76
4.0	Biodata Tokoh	77 – 78
5.0	Soalan Wawancara	79 – 85
6.0	Ralat	86 – 87
7.0	Rujukan	88
8.0	Lampiran	89 – 102
9.0	Indeks	103 – 105
10. 0	Diari Wawancara	106 – 109


TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
BEKAS TENTERA BRITISH CHE ONN NEAMAT YANG
BERKHIDMAT DI DALAM CORPS. OF ROYAL ELECTRICAL
MECHANICAL ENGINEERING PADA TAHUN 1957 HINGGA TAHUN
1970

ABSTRAK: *Che Onn bin Neamat merupakan seorang bekas tentera British yang berkhidmat sebagai Royal Electrical Mechanical Engineering atau lebih dikenali sebagai REME sekitar pada tahun 1957 hingga ke tahun 1970. Beliau memulakan kariernya sebagai tentera British sebagai tentera Kanak-kanak berumur lima belas (15) tahun pada tahun lima puluh tujuh (1957), Januari 1957. Beliau bermula sebagai Junior Leader didalam Core ataupun Rejimen Royal Altileri di Pulau Belakang Mati, Singapura. Setelah Royal Altileri dibubarkan, beliau telah diserap masuk ke Army Boys Trade School pada tahun 1958. Sejurus tamat pengajiannya di ABTS, beliau kemudiannya diserap masuk ke tentera British sebagai REME. REME adalah Tentera British yang mempunyai tanggungjawab bagi tugas-tugas penyenggaraan, perkhidmatan dan pemeriksaan hampir setiap peralatan elektrik dan mekanikal dalam Tentera British. Che Onn bin Neamat yang bertugas di dalam REME sebagai Artificial Vehicle yang berperanan membaiki segala jenis kenderaan terutamanya kereta yang digunakan oleh tentera British. Sepanjang penglibatannya sebagai REME, beliau telah ditugaskan di satu peristiwa besar iaitu Konfrontasi Malaysia Indonesia pada tahun 1966 di Labuan. Sepanjang penglibatan beliau telah dianugerahkan beberapa anugerah antaranya Penuntut Terbaik Bidang Teknikal di ABTS, General Service Medal Malaya, dan juga Anugerah Pingat Jasa Malaysia.*

KATA KUNCI: *Tentera British, Royal Electrical Mechanical Engineering (REME), Army Boys Trade School (ABTS), Royal Altilery (RA), Junior Leader, penyelenggaraan kereta.*

1.0) PENGENALAN

1.1) ARMY BRITISH / TENTERA BRITISH



Gambar 1: Logo British Army

(Sumber: Google imej logo British Army)

Tentera British telah berkhidmat diseluruh pelusuk dunia, mengembangkan Empayar British. Kini, Tentera British tidaklah sebesar pasukan semasa di zaman kegemilangannya, sebaliknya telah bertukar bentuk menjadi satu pasukan yang perkasa dan dilengkapi dengan senjata dan peralatan moden. Tentera British adalah antara pasukan paling maju dalam penggunaan teknologi. Tahap disiplinnya tinggi kerana anggota-anggotanya terdiri dari sukarelawan dan bukannya tenaga kerahan. Anggota Tentera British adalah antara anggota tentera paling terlatih di dunia.

1.1.1) Sejarah

Tentera British wujud hasil daripada gabungan Tentera Scotland dan Tentera England selepas penyatuan Parlimen England dan Parlimen Scotland yang membawa kepada kewujudan United Kingdom of Great Britain dalam tahun 1707. Pasukan baru ini dikenali sebagai